

## **Bentuk dan Implikasi Salah Laku Delinkuen Remaja di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia**

### ***Forms and Implications of Juvenile Delinquency in Moral Rehabilitation Centers in Malaysia***

**Mariam Abd. Majid<sup>1</sup>, Aisyah Humairak Abdul Rahman<sup>2</sup>, Nurzatil Ismah Azizan<sup>3</sup>, Noraini Mohamad<sup>4</sup>, Noor Hafizah Mohd Haridi<sup>5</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>6</sup>, Zainab Ismail<sup>7</sup>**

<sup>1,2,3,4,5,6</sup> Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor, Malaysia

<sup>7</sup>Akademi dan Jaminan Kualiti, Kolej Dar al-Hikmah, Malaysia

Email: <sup>1</sup>[mariam@uis.edu.my](mailto:mariam@uis.edu.my), <sup>2</sup>[24pi01005@postgrad.uis.edu.my](mailto:24pi01005@postgrad.uis.edu.my), <sup>3</sup>[nurzatil@uis.edu.my](mailto:nurzatil@uis.edu.my),

<sup>4</sup>[norainimohamad@uis.edu.my](mailto:norainimohamad@uis.edu.my), <sup>5</sup>[noorhafizah@uis.edu.my](mailto:noorhafizah@uis.edu.my), <sup>6</sup>[aburhamdi@uis.edu.my](mailto:aburhamdi@uis.edu.my), <sup>7</sup>[zainab@hikmah.edu.my](mailto:zainab@hikmah.edu.my)

#### **ABSTRAK**

Salah laku delinkuen dalam kalangan remaja merupakan antara isu yang sering mendapat perhatian daripada semua golongan masyarakat pada masa kini. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (2023) menunjukkan peningkatan 15% kes delinkuen remaja berbanding tahun sebelumnya, dengan penyalahgunaan dadah dan pencurian sebagai kes utama. Situasi ini memberi implikasi serius terhadap kesejahteraan sosial dan masa hadapan generasi muda. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bentuk dan implikasi salah laku delinkuen dalam kalangan remaja di pusat-pusat pemulihan akhlak di Malaysia. Pendekatan kajian yang digunakan ialah kualitatif dengan reka bentuk kajian fenomenologi. Data diperolehi melalui temu bual separa struktur dengan sembilan orang informan yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan terdiri daripada kakitangan pusat pemulihan yang berpengalaman dalam menguruskan remaja delinkuen. Pusat pemulihan dipilih berdasarkan lokasi yang merekodkan kadar kes sosial tertinggi di Malaysia, iaitu Kuala Lumpur dan Selangor. Data dianalisis menerusi kaedah tematik dan menghasilkan dua tema utama iaitu bentuk-bentuk dan implikasi salah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Hasil kajian mendapati bentuk salah laku delinkuen remaja di pusat pemulihan akhlak ialah penyalahgunaan dadah, merokok, mencuri, bergaduh, hubungan seks luar nikah, rogol, dan pelacuran. Implikasi salah laku ini mengakibatkan keciciran pendidikan, gangguan emosi dan psikologi, keciciran tempoh pembangunan diri, stigma dan persepsi negatif terhadap diri, keengganan ibu bapa untuk menerima anak kembali, perubahan gaya hidup keluarga, kerenggan hubungan keluarga, keperluan peningkatan bilangan kakitangan, keperluan tambahan kemudahan dan infrastruktur. Dapatan ini boleh dijadikan asas panduan kepada pihak berkuasa dan institusi pemulihan untuk merangka program pemulihan secara holistik.

*Kata kunci: Program pemulihan; masalah sosial remaja; pusat pemulihan akhlak; remaja delinkuen*



## ABSTRACT

*Juvenile delinquency among adolescents is a pressing issue that continues to draw attention from all segments of society. Statistics from the Ministry of Women, Family, and Community Development (2023) indicate a 15% increase in juvenile delinquency cases compared to the previous year, with drug abuse and theft being the most common offenses. This situation has serious implications for social well-being and the future of the younger generation. This study aims to identify the forms and implications of juvenile delinquency among adolescents in moral rehabilitation centers in Malaysia. The research employs a qualitative approach with a phenomenological research design. Data were collected through semi-structured interviews with nine informants selected using purposive sampling. The informants consisted of rehabilitation center staff with experience in managing delinquent adolescents. The rehabilitation centers were chosen based on locations with the highest recorded rates of social misconduct in Malaysia, specifically Kuala Lumpur and Selangor. Thematic analysis was used to analyze the data, resulting in two main themes: the forms of juvenile delinquency and their implications. The findings reveal that the most common forms of juvenile delinquency in moral rehabilitation centers include drug abuse, smoking, theft, fighting, premarital sexual relations, rape, and prostitution. The implications of these delinquent behaviors include educational dropout, emotional and psychological disturbances, delays in personal development, stigma and negative self-perception, parental rejection, changes in family lifestyle, strained family relationships, the need for additional staff, and the demand for improved facilities and infrastructure. These findings serve as a valuable guide for authorities and rehabilitation institutions in designing holistic rehabilitation programs.*

*Keywords: Rehabilitation programs; juvenile social issues; moral rehabilitation centers; juvenile delinquency*

## PENGENALAN

Remaja masa kini hidup dalam persekitaran yang sangat berbeza dan lebih kompleks berbanding generasi sebelumnya. Mereka menghadapi pelbagai cabaran yang mempengaruhi perkembangan peribadi dan sosial (Azizan et al., 2021). Kespantasan perkembangan teknologi pada hari ini menyebabkan golongan remaja lebih terdedah kepada pelbagai maklumat dan pengaruh luar yang boleh membentuk tingkah laku dan pemikiran mereka (Nahar et al., 2018).

Dalam konteks sekolah, delinkuensi ialah tingkah laku yang dilakukan pelajar sekolah yang melanggar peraturan sekolah seperti memaki guru, ponteng dan vandalisme (Omar & Jusoh, 2017). Dalam konteks perundangan, kes delinkuen remaja dikategorikan berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001 (Saparudin & Soh, 2018). Ini sejajar dengan kajian Abd. Majid et al. (2023) bahawa perbuatan delinkuen biasanya melibatkan tingkah laku yang bercanggah dengan norma masyarakat serta melanggar undang-undang atau peraturan negara. Shader (2020) membincangkan bahawa delinkuen melibatkan tindakan yang melanggar undang-undang dan norma sosial, yang sering kali berkaitan dengan faktor risiko seperti pendedahan kepada keganasan, kemiskinan dan kekurangan sokongan sosial. Henggeler dan Sheidow (2023) mengkategorikan delinkuen sebagai tingkah laku yang melibatkan aktiviti jenayah, penyalahgunaan dadah dan pelanggaran sosial lain yang mencerminkan masalah dalam kawalan sosial dan moral di kalangan remaja.

Statistik bagi kemasukan tahanan ke pusat pemulihan akhlak, Pusat Pemulihan Khas (PPK), dan Tempat Tahanan Khas (TTK) Jabatan Penjara bagi tempoh 2015 hingga 2017 menunjukkan peningkatan ketara, terutamanya di Pusat Pemulihan Akhlak. Pada tahun 2017, jumlah kemasukan tahanan lelaki warganegara ke LLPK meningkat mendadak kepada 1,149 orang, manakala tahanan wanita warganegara mencatatkan 494 orang. Sebagai perbandingan, pada tahun 2015 hanya terdapat 250 lelaki warganegara dan 22 wanita warganegara yang direkodkan. Bagi Pusat Pemulihan Khas (PPK), jumlah kemasukan lelaki warganegara meningkat daripada 182 orang pada tahun 2015 kepada 253 orang pada tahun 2017, sementara kemasukan wanita warganegara kekal hanya seorang sepanjang tempoh tersebut. Sementara itu, Tempat Tahanan Khas (TTK) merekodkan empat lelaki warganegara pada tahun 2017, berbanding tiada rekod pada tahun 2015. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa

kadar kemasukan tertinggi berbanding kategori lain sepanjang tempoh 2015 hingga 2017 (Kirman et al., 2021). Pusat pemulihan seperti PPK, dan TTK diwujudkan bagi menempatkan remaja yang terlibat dengan gejala delinkuen. Matlamat utama pusat-pusat ini adalah untuk melindungi dan memulihkan golongan remaja daripada terus terjebak dalam kancas yang sama (Abd Majid et al., 2023).

Laporan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2018 mengemukakan kadar statistik tertinggi bagi salah laku delinkuen dalam golongan kanak-kanak dan remaja adalah lingkungan umur 10 hingga 21 tahun. Antara jenis kesalahan yang dilakukan adalah bersabit dengan harta benda, bersabit dengan orang, akta kesalahan kecil, melanggar syarat pengawasan, dadah, senjata atau bahan api, lalu lintas, lari dari sekolah dan lain-lain. Statistik yang tertinggi antara jenis kesalahan di atas ialah jenayah yang bersabit dengan dadah yang merekod jumlah sebanyak 1744. Jumlah keseluruhan bagi semua jenis kesalahan direkodkan sebanyak 5294 dan mengikut jantina iaitu seramai 5004 lelaki dan 290 ialah perempuan. Menurut Bakar dan Hamzah (2019) kategori kesalahan di pusat pemulihan akhlak remaja di negeri Selangor adalah sebanyak 27.1% pelatih terlibat dengan keganasan, 48.6% terlibat dengan salah laku seks, 7.1% terlibat dengan salah guna dadah serta 17.1% pula terlibat dengan lain-lain masalah sosial.

Rekod statistik kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan, kumpulan umur 16 tahun hingga 17 tahun dan jantina pada tahun 2016 adalah seramai 3,426 lelaki manakala 225 perempuan. Data ini menjadi indikator bahawa isu permasalahan sosial dalam masyarakat semakin meruncing terutama kes yang melibatkan golongan remaja (Kamaluddin et al., 2021). Data statistik daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi tempoh 2016-2020 memperlihatkan trend yang membimbangkan dalam kalangan remaja sebagai kumpulan berisiko tinggi untuk terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Analisis statistik menunjukkan pola penurunan, iaitu bilangan kes tertinggi dicatatkan pada 2016 dengan 826 kes melibatkan remaja berusia 13 hingga 18 tahun. Seterusnya, jumlah kes mencatatkan penurunan berperingkat dengan 694 kes pada 2017, diikuti 550 kes (2018), 437 kes (2019), dan 325 kes pada tahun 2020 (AADK, 2020). Sementara itu, laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan pada tahun 2021-pula menunjukkan peningkatan dalam kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di Malaysia. Statistik menunjukkan bahawa majoriti yang terlibat adalah golongan muda berumur 13 hingga 39 tahun, dengan pengaruh rakan sebaya sebagai faktor utama. Data ini menekankan keperluan untuk program pencegahan dan intervensi yang lebih berkesan dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja (AADK, 2021).

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengemukakan bentuk-bentuk kes salah laku dan implikasi perlakuan salah laku delinkuen yang dilakukan oleh golongan remaja di Malaysia sehingga mereka dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan akhlak.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Zaman remaja merupakan fasa kritikal dalam kehidupan yang mengalami peralihan daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa (Munjiat 2018; Célia Barreto Carvalho et al. 2023). Peringkat usia remaja bermula dari usia 13 hingga 21 tahun (Andrianto & Alimron 2019). Remaja cenderung untuk mencuba sesuatu perkara baru berdasarkan daripada apa yang mereka lihat atau dengar. Hakikatnya, usia remaja adalah peringkat perkembangan yang baik untuk mengekspresikan diri atau-mencari jati diri sendiri (Abd. Majid et al., 2024).

Walau bagaimanapun, tindakan diri remaja yang tidak terkawal dan tanpa panduan menyebabkan golongan remaja mudah terjebak dalam perlakuan salah delinkuen (Abd. Majid et al., 2024). Kirman et. al. (2021) turut mendapati masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah dan remaja di Malaysia pada hari ini dapat dilihat melalui perilaku seks bebas, hamil luar nikah, rogol, keldai dadah, menagih, pemerdagangan seperti pelacuran serta buli secara mental (psikologi) dan fizikal (agresif).

Selain itu, Daud et al. (2020) membuktikan bahawa di Malaysia, masalah sosial remaja menunjukkan peningkatan hampir setiap tahun. Kajian Razak et al. (2021) mendapati gejala pornografi semakin membimbangkan, dengan peningkatan ketara dalam kalangan remaja berusia antara 11 hingga 22 tahun. Fenomena ini bukan sahaja mempengaruhi akhlak tetapi juga pemikiran remaja, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kesannya terhadap masyarakat. Daud et al. (2020) mendapati

bahawa kes-kes delinkuen yang melibatkan remaja dalam masyarakat merangkumi isu-isu serius seperti perlakuan zina, pembuangan bayi, khalwat, kes rogol, dan penyalahgunaan dadah. Fenomena kemerosotan akhlak dalam kalangan remaja ini tidak boleh dipandang remeh kerana akan bertambah parah sekiranya tidak dibendung sehingga mengakibatkan kesan buruk kepada diri, bangsa dan negara (Rahman et al., 2022).

Pusat-pusat pemulihan diwujudkan bertujuan menempatkan golongan remaja yang terlibat dengan gejala delinkuen. Usaha ini penting bertujuan melindungi dan memulihkan golongan remaja yang terlibat dalam gejala delinkuen dan memastikan agar tidak terjebak kembali melakukan kesilapan yang sama. Program pemulihan akhlak remaja di pusat pemulihan ini dilaksanakan bertujuan membantu remaja mengikis amalan negatif yang wujud dan memupuk amalan positif dalam diri. Tumpuan program pemulihan akhlak di pusat pemulihan menjurus terhadap pembentukan semula akhlak dan tingkah laku pelatit melalui pengisian dan modul pemulihan yang dirangka (Abd. Majid et al., 2022). Artikel ini bertujuan mengenalpasti mengenal pasti bentuk dan implikasi salah laku delinkuen dalam kalangan remaja di pusat-pusat pemulihan akhlak di Malaysia.

### METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kualitatif. Kajian kualitatif ini mempunyai ciri-ciri tersendiri iaitu penerokaan, deskriptif dan intepretatif, bersifat holistik, rekabentuk yang berkembang dan persampelan bertujuan (Othman Lebar, 2017). Reka bentuk kajian ini adalah fenomenologi iaitu kajian tentang sesuatu fenomena. Dalam maknanya yang luas, fenomenologi merupakan satu kerangka teori yang menekankan kajian tentang bagaimana pengalaman harian mempengaruhi dan membentuk perlakuan manusia. Ini melibatkan bagaimana manusia mentafsir dan memberi makna terhadap perkara atau peristiwa yang mereka alami dan lalui dalam kehidupan sehari-hari (Othman Lebar, 2022). Menurut Cresswell (2012) bilangan peserta kualitatif yang ideal adalah dalam lingkungan 3 hingga 10 orang tertakluk kepada keperluan kajian. Menurut Airasian dan Gay (2003) terdapat panduan digunakan untuk menentukan pemilihan peserta kajian adalah mencukupi. Pertama, sejauhmana informan kajian yang dipilih mewakili potensi peserta dalam kajian yang dilaksanakan. Kedua, pertindanan maklumat yang diperoleh daripada peserta kajian

Pemilihan sampel melibatkan kumpulan peserta yang homogen mampu memberikan pelbagai perspektif berdasarkan peranan dan tanggungjawab masing-masing (Patton, 2015). Kajian telah memilih teknik persampelan bertujuan dengan memilih sembilan orang informan daripada kumpulan heterogeneous berdasarkan kriteria berikut:

**Jadual 1: Pemilihan Informan Secara Persampelan Bertujuan**

Informan	Sekolah/Pusat	Jawatan
IPL1	PP1	Pegawai Psikologi
IPL2	PP1	Ketua Unit Agama
IPP1	PP2	Tenaga Pengajar
1PP1	PP3	Pengurus
IPL1	PP4	Pegawai Psikologi
IPP1	PP5	Pengetua
IPL1	PP6	Pengetua
IPP1	PP7	Timbalan Pegawai
IPP2	PP8	Pembantu Pegawai Latihan

Jadual 1 menjelaskan secara terperinci mengenai latar belakang pemilihan informan yang dipilih berdasarkan kriteria keperluan kajian. Kesemua informan yang dipilih adalah berpengalaman lebih dari lima tahun dalam menguruskan permasalahan berkaitan remaja bermasalah, berisiko atau delinkuen di pusat pemulihan akhlak. Informan terdiri daripada pengetua, pengurus, pegawai psikologi, tenaga pengajar dan ketua unit agama yang berkhidmat di pusat-pusat pemulihan akhlak yang berada di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pemilihan pusat pemulihan dibuat berdasarkan statistik yang menunjukkan lokasi tertinggi bagi kes salah laku sosial dalam kalangan remaja, iaitu di Kuala Lumpur dan Selangor. Data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Agensi Anti Dadah

Kebangsaan (AADK) menunjukkan bahawa dua negeri ini mencatatkan kadar tertinggi kes delinkuen remaja, justeru, lokasi ini dipilih bagi memastikan data yang dikumpulkan dapat mewakili keadaan sebenar di Malaysia.

Instrumen kajian yang digunakan ialah protokol temu bual separa struktur, yang membolehkan informan berkongsi pengalaman dan pandangan secara mendalam mengenai bentuk salah laku delinkuen serta implikasinya terhadap diri mereka, keluarga, dan institusi pemulihan. Soalan temu bual dirangka bagi mendapatkan maklumat yang relevan dan menyeluruh berkaitan dengan objektif kajian. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat yang dikumpulkan.

Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik. Tema dan subtema yang dihasilkan telah disahkan oleh tiga pakar yang berpengalaman dalam bidang pembangunan remaja, akhlak, moral, dan dakwah melalui pengiraan Cohen Kappa. Pengesahan oleh pakar bertujuan memastikan tema yang dikenal pasti adalah tepat dan mewakili data yang dikumpulkan. Jadual 2 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

**Jadual 2: Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa**

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Akhlak & Moral, Pembangunan Remaja	1.0
2	Pakar B	Dakwah & Pembangunan Insan	1.0
3	Pakar C	Dakwah & Pembangunan Insan	0.72
<b>Nilai K</b>			<b>0.90</b>

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.90. Jadual 3 menunjukkan tahap persetujuan berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis tematik ini memberikan pandangan yang mendalam tentang bentuk-bentuk dan implikasi salah laku delinkuen yang dialami oleh remaja serta strategi pemulihan yang relevan di pusat pemulihan akhlak. Proses ini memastikan data kajian berkualiti tinggi dan dapat memberikan sumbangan signifikan kepada bidang penyelidikan ini.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian berikut menghuraikan bentuk kes-kes salah laku dan implikasi perlakuan salah laku dalam kalangan pelatih di pusat pemulihan akhlak.

### Bentuk Salah Laku Delinkuen

Dapatan kajian mengemukakan antara bentuk salah laku delinkuen remaja adalah penyalahgunaan dadah, merokok, mencuri, bergaduh, hubungan seks luar nikah, rogol dan pelacuran.

#### A. Penyalahgunaan Dadah

Dadah merupakan satu istilah khas yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi fizikal, mental dan emosi serta tingkah laku pengguna. Penggunaan dadah tanpa nasihat doktor perubatan khususnya dianggap satu kesalahan dan melanggar undang-undang negara sehingga boleh dikenakan hukuman (Smith & Brown, 2023). Penyalahgunaan dadah merupakan antara jenis salah laku delinkuen yang mencapai rekod statistik tertinggi yang melibatkan golongan remaja. Berdasarkan temubual yang dilakukan, tiga orang informan mengakui bahawa golongan remaja yang dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan akhlak

adalah disebabkan terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan kebanyakannya terdiri daripada kalangan remaja lelaki. Menurut informan IPP1-PP2,

*“secara umum daripada segi purata ataupun statistik untuk remaja lelaki main problem dihantar ke tempat kami adalah sebab drug addict”* (IPP1-PP2)

Kenyataan di atas selari dengan dapatan yang disampaikan oleh informan IPL1-PP4,

*“29 orang penghuni terlibat dalam penyalahgunaan dadah”* (IPL1-PP4)

Terdapat seramai 29 orang penghuni yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah di PP4. IPL1-PP1 pula berkata;

*“Kebanyakan ada berapa kategori. Kategori ini dipecahkan mengikut undang-undang. Dan yang terkini adalah dadah”* (IPL1-PP1)

IPL1-PP1 menjelaskan bahawa kebanyakan remaja yang dimasukkan ke PP1 dibahagikan kepada beberapa kategori mengikut undang-undang mahkamah. Kesalahan terbaru golongan remaja yang dimasukkan ke PP1 adalah terlibat dengan dadah.

Dapatan kajian ini sejajar dengan kajian Mohammad Rahim et. al. (2021) yang menyatakan bahawa isu dan permasalahan berkaitan ketagihan dadah dalam kalangan remaja semakin menjadi perhatian dengan peningkatan melibatkan kes-kes golongan remaja. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa faktor utama yang mendorong remaja terjebak dalam penyalahgunaan dadah termasuklah pengaruh rakan sebaya (Ismail et al., 2022), masalah keluarga seperti kurangnya kawalan ibu bapa dan ketidakharmonian rumah tangga (Bunsaman & Krisnani, 2020) serta tekanan hidup yang membawa kepada pelarian emosi melalui penyalahgunaan bahan terlarang (Purbanto & Hidayat et al., 2023). Selain itu, kurangnya penghayatan nilai spiritual dan kelemahan dalam aspek pendidikan agama turut dikenal pasti sebagai pendorong kepada penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja (Ibrahim et al., 2021).

## **B. Merokok**

Merokok merupakan antara bentuk salah laku delinkuen yang telah dilakukan oleh golongan pelatih remaja di pusat pemulihan akhlak. Remaja diberikan pendedahan tentang bahaya amalan iaitu mendatangkan kemudaratan kepada diri mereka sendiri terutama dari aspek kesihatan. Menurut IPP1-PP2,

*“Merokok bagi remaja lelaki”* (IPP1-PP2)

Informan IPP1-PP2 menyatakan penglibatan dengan salah laku merokok adalah dalam kalangan remaja lelaki. Manakala, menurut IPL2-PP1 pula,

*“Starting from smoking”* (IPL2-PP1)

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa segala kesalahan yang berlaku adalah bermula daripada merokok. Menghisap rokok akan membuatkan seseorang itu merasa ketagih dan susah untuk berhenti. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Rigotti (2018), yang menunjukkan bahawa ketagihan nikotin melalui merokok menjadi pintu masuk kepada penyalahgunaan bahan lain seperti alkohol dan dadah dalam kalangan remaja. Kefahaman kepada hukum merokok ini hanya dapat dihayati dengan memotivasikan diri perokok sendiri terhadap implikasi bahaya merokok agar dapat mendorong setiap individu untuk tidak merokok (Public Health Service Office of The Surgeon General Rockville, MD, 2010).

## **C. Mencuri**

Kes mencuri merupakan antara kes yang dilakukan oleh golongan remaja sehingga dimasukkan ke pusat pemulihan dan ianya melibatkan beberapa kategori. Menurut IPL1-PP4,

*“mencuri dia pecah lah kepada curi dalam kedai, curi dalam bangunan, masuk rumah orang kemudian curi motor” (IPL1-PP4)*

Informan IPL1-PP4 mengemukakan salah laku mencuri dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu i) mencuri dalam kedai ii) mencuri dalam bangunan iii) mencuri (pecah masuk rumah) dan iv) mencuri motor. Selain itu, IPL1-PP1 turut berkata;

*“Kedua kebanyakan terlibat dengan kecurian” (IPL1-PP1)*

Kenyataan oleh informan IPL1-PP1 menjelaskan bahawa salah laku kedua yang paling banyak dilakukan oleh remaja sehingga menyebabkan mereka ditempatkan di pusat pemulihan adalah kecurian, iaitu perbuatan mengambil harta benda milik orang lain tanpa kebenaran. Perbuatan ini bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi juga mencerminkan kelemahan dalam aspek kawalan diri dan nilai moral dalam kalangan remaja.

Menurut kajian oleh Nazim et al. (2020), terdapat beberapa faktor utama yang mendorong remaja lelaki terlibat dalam kes kecurian, antaranya ialah latar belakang keluarga yang tidak berfungsi, status sosioekonomi yang rendah, serta pengaruh negatif daripada rakan sebaya. Faktor-faktor ini menyebabkan sebahagian remaja melihat kecurian sebagai jalan mudah untuk mendapatkan keperluan atau memenuhi kehendak mereka.

Kesan daripada penglibatan dalam kes kecurian bukan sahaja menjejaskan perkembangan psikologi remaja, malah boleh mencetuskan perasaan bersalah, ketakutan terhadap hukuman, serta ketegangan mental yang berpanjangan. Selain itu, perbuatan ini turut memberi kesan besar kepada keluarga remaja, yang mungkin mengalami tekanan emosi, stigma sosial, serta kesukaran dalam membimbing anak mereka kembali ke landasan yang betul (Zakaria et al., 2020). Oleh itu, pemahaman terhadap punca kecurian dan langkah-langkah pencegahan amat penting dalam usaha membendung masalah ini dalam kalangan remaja.

#### **D. Bergaduh**

Bergaduh merupakan antara salah laku yang dilakukan oleh golongan remaja sehingga dimasukkan ke pusat pemulihan akhlak. Ini kerana, bergaduh juga disifatkan sebagai salah laku yang tidak bermoral dalam kalangan remaja delinkuen. Perbuatan bergaduh ini akan memberikan kesan yang negatif kepada mental dan fizikal diri remaja sendiri. Oleh itu, kes bergaduh ini perlu ditangani dengan segera serta diambil perhatian serius oleh pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perkara ini dapat dikawal dengan baik. Menurut IPL1-PP4,

*“Bergaduh pun dia kalau ikut kes 323 akta mencederakan lah tapi dia ada banyak juga” (IPL1-PP4)*

Kenyataan di atas menunjukkan perbuatan atau salah laku bergaduh merupakan bentuk salah laku kedua tertinggi selepas daripada salah laku ketagihan dadah. Salah laku bergaduh dicatatkan dalam kes 323 Akta Mencederakan. Hasil kajian ini bersesuaian dengan kajian Azizan et al. (2022) mendapati perbuatan bergaduh adalah kesalahan yang serius dan diambil tindakan dari segi undang-undang kerana telah membahayakan orang di sekitar mereka sehingga ke tahap mencederakan orang lain sama ada ahli keluarga, rakan sebaya ataupun sesiapa sahaja yang bermusuhan dengan mereka.

#### **E. Hubungan Seks Luar Nikah**

Perbuatan yang melibatkan hubungan seks luar nikah dilarang keras agama Islam kerana menandatangani kebinasaan bagi seseorang sama ada di dunia dan akhirat. Menurut informan IPP1-PP3,

*“Kes asas yang kita terima yang terlibat dengan zina” (IPP1-PP3)*

Informan IPP1-PP3 menjelaskan kes asas atau kes yang paling kerap berlaku dalam kalangan remaja sehingga dimasukkan ke PP3 adalah disebabkan oleh keterlibatan dalam hubungan seksual di luar perkahwinan. Kenyataan ini selari dengan dapatan daripada IPP1-PP2,

*“Kalau perempuan penglibatan dengan lelaki lah maksudnya zina itu yang pertama” (IPP1-PP2)*

Dapatan kajian ini menunjukkan kes utama remaja perempuan dimasukkan ke pusat pemulihan (PP2) melibatkan kes hubungan seks luar nikah. Selain itu, menurut informan IPP1-PP5:

*“Totally kes di asrama bahagia lebih kepada seksual, di mana mengadakan hubungan seks. Berdasarkan laporan akhlak dan temu bual awal, mereka kebanyakannya dah terlanjur.”* (IPP1-PP5)

Maklumat ini menggambarkan bahawa sebahagian besar kes melibatkan remaja yang telah terlibat dalam hubungan seksual secara sukarela. Walaupun hubungan tersebut mungkin dilakukan atas dasar suka sama suka, ia tetap dianggap sebagai kesalahan di sisi undang-undang kerana melibatkan individu di bawah umur. Hal ini menunjukkan bahawa remaja yang terlibat tidak mempunyai kefahaman yang jelas mengenai batas pergaulan dan implikasi undang-undang berkaitan perbuatan mereka.

Hasil kajian ini bersesuaian dengan kajian Bahori dan Ismail (2017) mendapati penglibatan remaja dengan salah laku seks mengakibatkan risiko kehamilan anak luar nikah, penyebaran penyakit kelamin, trauma dari sudut mental dan fizikal, stigma sosial dan pengasingan serta gangguan dalam pendidikan dan masa depan remaja. Kajian Tharshini dan Ibrahim (2020) menjelaskan bahawa faktor berlakunya hubungan seks luar nikah dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan disebabkan kekurangan ilmu pendidikan seks yang komprehensif, pengaruh media sosial dan pornografi, pengaruh rakan sebaya serta kurang pengawasan ibu bapa.

#### **F. Rogol**

Kes rogol merupakan kes yang semakin serius dan membimbangkan masyarakat pada masa kini. Isu ini banyak dipaparkan di surat khabar dan media massa. Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah pergaulan bebas dalam kalangan remaja, yang menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan pujukan dan manipulasi pihak tertentu. Informan IPL1-PP4 menjelaskan.

*“Kebanyakannya bila saya check dia rogol ni sebab dia di bawah akta kanak-kanak so dia masuk dalam rogol”* (IPL1-PP4)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa terdapat remaja yang ditempatkan di pusat pemulihan akhlak kerana disabitkan kesalahan di bawah Akta Kanak-Kanak, yang mengklasifikasikan kes rogol melibatkan individu bawah umur sebagai satu jenayah serius. Selain kes rogol yang melibatkan paksaan fizikal, terdapat juga kes cubaan merogol yang turut dianggap sebagai kesalahan berat. Informan IPL1-PP6 menyatakan,

*“... seorang lagi adalah kes cubaan merogol”* (IPL1-PP6)

Hal ini menunjukkan bahawa bukan sahaja kes rogol yang telah berlaku menjadi perhatian, tetapi juga percubaan untuk melakukan jenayah tersebut dalam kalangan remaja. Kedua-dua bentuk kesalahan ini memberikan implikasi serius terhadap mangsa, pelaku, serta masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, usaha pencegahan dan intervensi awal amat diperlukan bagi menangani isu ini sebelum ia menjadi lebih berleluasa.

#### **G. Pelacuran**

Kes pelacuran juga merupakan antara bentuk salah laku yang melibatkan golongan remaja perempuan di pusat pemulihan. Menurut IPL1-PP2,

*“Wanita lebih kepada pelacuran”* (IPL2-PP1)

Menurut IPP1-PP3,

*“Ok, untuk yang belajar pula dia orang ada buat part time untuk dapatkan duit. Kita dapati ada yang buat apps sugar baby tapi sebenarnya pelacuran”* (IPP1-PP3)

Penglibatan remaja di pusat pemulihan akhlak dalam aktiviti pelacuran untuk menampung kos sara hidup sebagai pelajar, termasuk melalui aplikasi *sugar baby*. Abdullah dan Kamarudin (2020)

menekankan pentingnya pendidikan seksual yang komprehensif di sekolah sebagai langkah pencegahan awal bagi mengurangi risiko pelacuran dalam kalangan remaja. Mereka berpendapat bahawa remaja yang kurang pendedahan kepada pendidikan seksual lebih cenderung membuat keputusan yang salah dalam perhubungan dan interaksi sosial mereka.

### **Implikasi Salah Laku Delinkuen**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa salah laku delinkuen memberi impak yang mendalam melibatkan diri, ibu bapa dan keluarga serta institusi pemulihan secara keseluruhan. Berikut adalah implikasi yang dialami oleh remaja, ibu bapa, keluarga serta institusi pemulihan iaitu;

#### **A. Keciciran Pendidikan**

Keciciran pendidikan merupakan implikasi utama yang memberi kesan terhadap diri remaja yang ditempatkan di pusat pemulihan akhlak. Menurut informan IPL1-PP1,

*"Kebanyakan dia ada berapa kategori...dan kebanyakan yang tercicir sekolah. Kalau sekolah tu memang dah tak pergi." (IPL1-PP1)*

Kenyataan IPL1-PP1 menjelaskan bahawa kebanyakan remaja yang berada di pusat pemulihan telah tercicir daripada persekolahan. Menurut informan IPL1-PP6,

*"Kalau ikut statistik saya sekarang ni kebanyakannya adalah kes luar kawal... untuk bersekolah di sini ada 3 orang sahaja dan ada dalam dua orang lagi dalam proses untuk persekolahan" (IPL1-PP6)*

Temu bual bersama IPL1-PP6 menunjukkan bahawa hanya segelintir remaja sahaja yang masih bersekolah, iaitu tiga orang yang sedang bersekolah dan dua orang dalam proses persekolahan. Dapatan menunjukkan golongan remaja di pusat pemulihan mengalami keciciran dalam pendidikan formal. Menurut Zainuddin & Norazmah (2011) menyatakan remaja yang tercicir berisiko tinggi untuk terlibat dalam tingkah laku antisosial dan jenayah.

#### **B. Gangguan Emosi dan Psikologi**

Gangguan emosi dan masalah psikologi merupakan implikasi serius yang dialami oleh remaja di pusat pemulihan. Berdasarkan temubual, dua orang informan melaporkan kes-kes yang memerlukan rawatan psikiatri. Menurut informan IPP2-PP7,

*"Macam sekarang ni kita hadapi masalah yang, ada seorang penghuni kat sini dia mengandung tapi dia mengalami halusinasi dan kita baru bawa pergi hospital untuk dapatkan ubat depression" (IPP2-PP7)*

Kenyataan di atas oleh IPP2-PP7 menunjukkan keadaan serius seorang penghuni mengalami halusinasi dan kemurungan sehingga pada tahap memerlukan rawatan hospital. Informan IPL1-PP1 menyatakan,

*"Kadang adik-adik yang masuk sini nampak ja luar dia tenang tapi dia ada masalah yang perlu dirujuk kepada psikiatrik... mereka ni masih muda lagi dan walupun masih muda tapi kesedihan dan keperitan hidup yang mereka alami tu lebih hebat daripada kita." (IPL1-PP1)*

Keadaan ini menunjukkan bahawa pengalaman hidup yang dialami oleh golongan remaja yang terlibat dengan kes-kes salah laku sosial sangat mencabar kerana usia mereka yang muda. Hasil dapatan bersesuaian dengan kajian Mamat dan Ghaffar (2023) yang mendapati bahawa tekanan hidup, termasuk pengabaian emosi dan kesukaran keluarga, memberi kesan mendalam terhadap kestabilan psikologi mereka. Ini sejajar dengan dapatan kajian Latiff et al. (2017) mengenai salah laku delinkuen dalam kalangan remaja membawa pelbagai implikasi yang memudaratkan. Remaja yang terlibat dengan salah laku delinkuen terdedah kepada kesan-kesan negatif melalui gangguan terhadap perkembangan sosial mereka, di samping kemerosotan dalam aspek akhlak dan nilai-nilai moral.

### C. Keciciran Tempoh Pembangunan Diri

Remaja yang berada di pusat pemulihan akhlak mengalami keciciran tempoh pembangunan diri kerana berada di pusat pemulihan dalam tempoh kritikal pembentukan identiti, kemahiran sosial, dan emosi. Menurut IPP1-PP2,

*"...kita banyak fokus kepada kejayaan, kerjaya mungkin harta juga. Tapi, yang dalam tu ada yang kita tak perasan. Menyedihkan lagi bila sebagai ibu bapa bila kita membesar dengan salah faham ketegasan mak kita yang sebelum ini..." (IPP1-PP2)*

Kenyataan ini menunjukkan bahawa pembangunan dalaman remaja, seperti nilai diri, kestabilan emosi, dan keupayaan refleksi, kurang diberi perhatian. Penekanan berlebihan terhadap kejayaan material dan luaran menyebabkan remaja merasa terpinggir dalam aspek pembangunan jiwa. Hasil temu bual dengan IPL1-PP6 mendedahkan antara cabaran yang dihadapi remaja selepas keluar dari pusat pemulihan,

*"Pengalaman saya dulu contoh saya di Serendah dulu mengajar bengkel automasi, selepas dia orang tamat tu kita carikan mereka pekerjaan dapat pekerjaan tapi malangnya rupanya kita bagi latihan dapatkan pekerjaan tapi kita tak bagi dia macam mana hidup di luar survive di luar tu macam mana jadi ramai berhentilah dia tak tahan duduk dekat luar." (IPL1-PP6)*

Temu bual bersama IPL1-PP6 mendedahkan bahawa walaupun latihan teknikal diberikan untuk menyediakan remaja dengan kemahiran bekerja, mereka kekurangan bimbingan yang lebih menyeluruh seperti kemahiran hidup dan adaptasi sosial. Kekurangan ini menyebabkan ramai yang gagal bertahan dengan cabaran kehidupan di luar pusat pemulihan. Berdasarkan temu bual di atas, dapatan menunjukkan remaja mengalami kehilangan peluang pembangunan diri yang holistik. Ini sejajar dengan kajian Noor dan Rahman (2023) yang mendapati bahawa 75% remaja di pusat pemulihan mengalami kelewatan dalam pembangunan kemahiran hidup berbanding rakan sebaya mereka. Abd Majid et al. (2023) turut menjelaskan bahawa proses penyesuaian semula pembangunan diri remaja di pusat pemulihan melibatkan tiga aspek utama iaitu pembangunan kemahiran hidup, pembentukan jati diri, dan penyesuaian sosial.

### D. Stigma dan Persepsi Negatif terhadap Diri Remaja

Masyarakat sering memandang serong terhadap remaja yang terlibat dalam salah laku delinkuen, menyebabkan mereka sukar untuk diterima kembali ke dalam komuniti. Stigma ini bukan sahaja menjejaskan remaja tetapi juga keluarga mereka, yang terpaksa menanggung malu dan tekanan sosial. Menurut IPP1-PP2,

*"...sedikit sebanyak stigma masyarakat pun ada juga. Itu saya dah alami. Tu yang sekarang kita pindah duk tengah-tengah hutan, tak ada jiran dan jauh daripada segala negatif." (IPP1-PP2)*

Petikan ini menggambarkan realiti getir yang dihadapi oleh keluarga remaja delinkuen di mana mereka terpaksa mengambil langkah drastik seperti berpindah ke kawasan terpencil untuk mengelak daripada tekanan dan pandangan negatif masyarakat. Stigma masyarakat ini memberi kesan kepada proses pemulihan seperti yang dinyatakan oleh IPP1-PP3,

*"Bagi saya agak lebih la tapi tidak juga. Maksudnya kalau budak tu dah dipulihkan dan belajar dari kesilapan dan mampu pegang dengan pendirian maka ya. Tapi, bagi saya mereka ini masih perlu untuk sokongan keluarga." (IPP1-PP3)*

Kenyataan ini menunjukkan bahawa kejayaan proses pemulihan bergantung kepada dua faktor utama iaitu kesediaan remaja untuk berubah dan sokongan berterusan daripada keluarga. Walaupun remaja telah menjalani pemulihan dan menunjukkan perubahan positif, sokongan keluarga tetap diperlukan untuk mengukuhkan proses pemulihan tersebut dan membantu mereka menghadapi cabaran stigma masyarakat. Dapatan ini selari dengan kajian Hsia & Tay (2024) yang mendapati bahawa stigma masyarakat merupakan halangan utama dalam proses reintegrasi dengan kadar kejayaan hanya 45% dalam tahun pertama. Hal ini membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk menangani isu stigma

masyarakat secara lebih holistik dan mewujudkan sistem sokongan yang lebih komprehensif bagi membantu proses pemulihan remaja delinkuen.

### **E. Keengganan Ibu Bapa Menerima Anak Kembali**

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa menghadapi kesukaran untuk menerima semula anak mereka selepas tamat tempoh pemulihan. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan informan yang menyatakan bahawa penerimaan semula anak adalah 50-50, di mana ada ibu bapa yang menerima dan ada yang tidak menerima anak mereka kembali. Informan IPP1-PP7 menyatakan,

*"50-50. Sama rata. Ada yang terima ada yang tak terima. Kalau yang tak terima kita maklumkan kepada pegawai kes jadi dia akan salurkan ke tempat lain"* (IPP1-PP7)

Penolakan keluarga ini berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya termasuk kekangan kewangan, perpecahan keluarga, dan ketidakmampuan untuk mengawal tingkah laku anak. IPP1-PP2 menjelaskan,

*"Keluarga tidak bersambung untuk beri peluang kepada pelatih yang dah bebas dari sini...Ini yang jenis keluarga bermasalah lah. Keluarga nak ambil pun tak tahu nak tinggal dekat mana. Kadang ada yang mak ayah berpisah, mak pun sewa bilik"* (1PP1-PP2)

Situasi ini menjadi lebih kritikal apabila keluarga anak remaja ini sendiri menghadapi masalah seperti perceraian, ketidakstabilan tempat tinggal yang menyukarkan proses penerimaan semula anak. Penolakan keluarga mempunyai kesan yang signifikan terhadap remaja yang telah menjalani pemulihan. Kenyataan ini dimaklumkan oleh IPP1-PP3;

*"...majoriti kes jadi balik sebab dia pergi balik kat family dia dekat kawan-kawan dia kan."* (IPP1-PP3)

Dapatan di atas bersesuaian dengan kajian Rahman & Abdullah (2023) mendapati bahawa penolakan keluarga ini berpunca daripada pelbagai faktor termasuk kekangan kewangan, perpecahan keluarga dan ketidakmampuan untuk mengawal tingkah laku anak. Situasi ini diburukkan lagi apabila keluarga sendiri menghadapi masalah seperti perceraian dan ketidakstabilan tempat tinggal, yang menyukarkan proses penerimaan semula anak. Dapatan ini juga selari dengan kajian Hassan et al. (2023), yang melaporkan bahawa pelatih yang tidak diterima keluarga mempunyai risiko 75% lebih tinggi untuk kembali kepada tingkah laku delinkuen.

### **F. Keperluan Perubahan Gaya Hidup Keluarga**

Dapatan menunjukkan bahawa keluarga perlu membuat pelbagai perubahan gaya hidup untuk membantu proses pemulihan anak. Informan IPP1-PP6 berkongsi pengalaman seorang ibu bapa yang berpindah ke rumah baru selepas anak mereka tamat tempoh pemulihan. Ibu bapa tersebut menyatakan,

*"Pengalaman saya ibu bapa di sini tahun lepas la apabila anak dia tamat tempoh dia datang dia kata saya baru berpindah ke rumah baru saya pindah ke rumah baru Sebab saya nak anak saya bebas. Saya tak nak anak saya nanti contoh kalau balik di rumah lama anak saya ada kawan-kawan lain anak-anak saya akan terpengaruh."* (1PL1-PP6)

Ini menunjukkan bahawa keluarga sanggup membuat perubahan besar seperti berpindah rumah untuk memastikan anak mereka tidak terpengaruh oleh persekitaran lama yang mungkin membawa pengaruh negatif. Manakala, informan IPP1-PP3 menjelaskan,

*"Paling penting pada saya, ibu bapa, penjaga sangat perlu memainkan peranan...Contoh, bila anak bermasalah dihantar ke pusat pemulihan akhlak tidak bermaksud ibu bapa tak ada peranan di situ, mereka perlu tetap memberi sokongan semasa menjalani pemulihan itu."* (IPP1-PP3)

Keadaan menunjukkan bahawa walaupun anak berada di pusat pemulihan, sokongan berterusan daripada ibu bapa adalah diperlukan untuk kejayaan proses pemulihan. Manakala, informan IPP1-PP2 berkata,

*"...mungkin masa tu walaupun family tu taka da masalah dari segi mak ayah tapi mak ayah ni diam macam tak ada persediaan untuk anak dia duduk dekat dalam dunia sekarang ni." (IPP1-PP2)*

Kenyataan ini mengemukakan bahawa keluarga perlu membuat persediaan mental dan fizikal untuk membantu anak mereka menyesuaikan diri selepas pemulihan. Dapatan ini selari dengan kajian Zainuddin et al. (2023) yang menegaskan bahawa kejayaan pemulihan bergantung kepada kesediaan keluarga untuk membuat penyesuaian dan memberikan sokongan berterusan. Ibu bapa perlu memainkan peranan aktif dalam proses pemulihan dan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada institusi pemulihan.

### **G. Kerengangan Hubungan Keluarga**

Kerengangan hubungan keluarga merupakan implikasi serius yang memberi kesan kepada remaja dan keluarga mereka. Berdasarkan temubual, informan melaporkan pelbagai isu dikemukakan berkaitan hubungan kekeluargaan. Menurut informan IPP1-PP2,

*"Keluarga tidak bersambung untuk beri peluang kepada pelatih yang dah bebas dari sini...Ini yang jenis keluarga bermasalah. Keluarga nak ambil pun tak tahu nak tinggal dekat mana. Ada yang mak ayah berpisah, mak pun sewa bilik" (IPP1-PP2)*

Kenyataan oleh IPP1-PP2 menunjukkan kerumitan situasi keluarga yang menjejaskan proses pemulihan remaja. Ini disokong oleh dapatan dari IPP1-PP7,

*"50-50. Sama rata. Ada yang terima ada yang tak terima. Kalau yang tak terima kita maklumkan kepada pegawai jadi dia akan salurkan ke tempat lain... sebab TSP ni untuk penghuni remaja yang mengandungi ja." (IPP1-PP7)*

Temu bual bersama IPP1-PP7 mendedahkan bahawa ramai keluarga enggan menerima semula anak mereka selepas tempoh pemulihan, disebabkan pelbagai faktor seperti stigma sosial, ketidakstabilan kewangan, dan kebimbangan terhadap tingkah laku anak yang mungkin berulang. Hal ini menunjukkan hubungan keluarga dan pelatih yang sering terjejas secara serius. Ini sejajar dengan kajian Ibrahim dan Hassan (2023) yang mendapati bahawa 60% keluarga mengalami tekanan dalam hubungan kekeluargaan semasa proses pemulihan anak mereka. Zain et al. (2022) menjelaskan kegagalan sokongan keluarga meningkatkan risiko remaja untuk kembali kepada tingkah laku delinkuen sebanyak 80%.

### **H. Keperluan Penambahan Kakitangan Pusat Pemulihan**

Salah satu delinkuen dalam kalangan remaja memberi kesan langsung terhadap keperluan tenaga kerja di pusat pemulihan, khususnya dalam memastikan pemantauan dan pemulihan dapat dijalankan secara efektif dalam tempoh 24 jam. Tingkah laku delinkuen seperti agresif, melanggar disiplin, dan ketidakstabilan emosi menyebabkan pusat pemulihan memerlukan tenaga kerja tambahan yang mencukupi untuk menangani kes-kes remaja secara holistik. Menurut informan IPP2-PP7,

*"Yang menjadi kekangan macam saya sendiri, saya office hours jadi kadang-kadang dia orang ni waktu office hours dengan orang pejabat dia ok, tapi bila malam dia orang dah berubah... Macam saya ni bukan kaunselor, memang dari segi ilmu kaunselor tu tak adalah." (IPP2-PP7)*

Kenyataan ini menggambarkan kesukaran dalam pemantauan berterusan kerana kekurangan kakitangan yang khusus dalam menangani perubahan tingkah laku remaja delinkuen di luar waktu pejabat. Kekurangan tenaga kerja yang memiliki kepakaran dalam psikologi dan kaunseling juga menyulitkan proses pemulihan. Menurut IPL1-PP6;

*"Dekat sini saya ketua, kemudian saya ada seorang timbalan kemudian saya ada enam orang yang dikhaskan dipanggil pegawai kebajikan untuk menjaga kanak-kanak ini... Tapi yang perempuan ni saya banyak letakkan di bahagian pentadbiran lah" (IPL1-PP6)*

Dapatan ini menunjukkan bahawa kekangan tenaga kerja menyebabkan pengagihan tugas yang tidak seimbang, di mana tumpuan lebih diberikan kepada aspek pentadbiran berbanding sokongan psikososial kepada pelatih. Situasi ini selari dengan kajian Majid et al. (2024), yang menekankan keperluan pusat pemulihan untuk mempunyai tenaga kerja dalam bidang kaunseling dan psikologi bagi memastikan keberkesanan program pemulihan. Kajian Zainol & Azman (2024) turut membuktikan bahawa kekurangan kepakaran profesional boleh mengurangkan keberkesanan pemulihan sehingga 40%, sekaligus meningkatkan risiko pelatih kembali kepada salah laku selepas keluar dari pusat pemulihan.

Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan bahawa tanpa jumlah kakitangan yang mencukupi dan memiliki kepakaran dalam bidang psikologi serta kaunseling, pusat pemulihan akan berhadapan kesukaran dalam membangunkan jati diri remaja delinkuen secara berkesan. Oleh itu, penambahan tenaga kerja yang terlatih adalah keperluan mendesak bagi memastikan pusat pemulihan dapat memenuhi objektif utamanya dalam membantu remaja kembali ke landasan yang lebih positif dan diterima oleh masyarakat.

### **I. Keperluan Tambahan Kemudahan dan Infrastruktur**

Pusat pemulihan akhlak di Malaysia menghadapi cabaran dalam menyediakan kemudahan fizikal yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penghuni, terutamanya bagi mereka yang menjalani pemulihan jangka panjang. Menurut informan IPL1-PP6,

*"Apabila tempoh pemulihan hanya 12 bulan, keperluan terhadap kemahiran mungkin tidak begitu mendesak, tetapi apabila tempoh pemulihan mencapai tiga tahun, kemudahan latihan dan pembangunan kemahiran menjadi sangat diperlukan" (IPL1-PP6)*

Kenyataan ini mendedahkan permasalahan kritikal dalam pemulihan akhlak pelatih di pusat pemulihan, di mana ketiadaan kemudahan yang mencukupi menyukarkan pelaksanaan program pemulihan secara menyeluruh. Kegagalan menyelaraskan keperluan kemudahan dengan tempoh pemulihan boleh menyebabkan objektif pemulihan tidak tercapai, seterusnya meningkatkan risiko remaja kembali kepada tingkah laku delinkuen selepas keluar daripada pusat pemulihan.

Kajian Abd Hamid et al. (2024) turut mendapati bahawa 65% pusat pemulihan di Malaysia menghadapi kekurangan infrastruktur yang menghalang keberkesanan program pemulihan jangka panjang. Tanpa kemudahan yang memadai, pelatih sukar mendapat latihan kemahiran, terapi psikososial, dan bimbingan yang diperlukan untuk membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih baik selepas tempoh pemulihan.

Oleh itu, peningkatan infrastruktur dan kemudahan adalah satu keperluan mendesak bagi memastikan pusat pemulihan dapat berfungsi secara optimum. Ini termasuk penyediaan ruang latihan kemahiran, kemudahan kaunseling yang mencukupi, serta program intervensi yang lebih komprehensif. Keadaan ini juga memerlukan sokongan daripada pihak kerajaan, institusi kebajikan, serta masyarakat dalam memastikan pusat pemulihan mempunyai sumber yang mencukupi untuk menjalankan fungsi pemulihannya dengan lebih efektif.

Berdasarkan hasil temubual, didapati bahawa implikasi terhadap salah laku delinkuen remaja di pusat pemulihan akhlak di Malaysia adalah menyeluruh, melibatkan aspek diri, ibu bapa, keluarga serta institusi pemulihan. Usaha ini memerlukan intervensi yang holistik dan bersepadu, termasuk sokongan keluarga, pemerkasaan institusi pemulihan, dan pengurangan stigma masyarakat, bagi memastikan proses pemulihan yang lebih berkesan dan berdaya tahan.

## KESIMPULAN

Kajian ini mengemukakan lapan bentuk utama salah laku delinkuen dalam kalangan remaja di pusat pemulihan akhlak di Malaysia iaitu penyalahgunaan dadah, merokok, mencuri, bergaduh, hubungan seks luar nikah, rogol dan pelacuran. Implikasi daripada perlakuan ini tidak hanya memberi kesan negatif kepada remaja itu sendiri, seperti keciciran pendidikan dan gangguan psikologi, tetapi juga kepada keluarga mereka, termasuk kerenggangan hubungan keluarga dan perubahan gaya hidup. Selain itu, institusi pemulihan turut menghadapi cabaran dalam menyediakan kakitangan dan infrastruktur yang mencukupi. Oleh itu, pendekatan holistik diperlukan dalam merangka program pemulihan yang komprehensif untuk menangani isu ini secara menyeluruh. Ini termasuk menitikberatkan keperluan remaja, keluarga, serta peningkatan kapasiti institusi pemulihan. Kesimpulannya, kajian ini menekankan kepentingan kerjasama antara pihak berkuasa, keluarga, dan masyarakat dalam membentuk sokongan yang lebih kukuh bagi memastikan keberkesanan proses pemulihan dan pembangunan jati diri remaja delinkuen.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. Nombor Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam'.

## RUJUKAN

- Abd Hamid, N. A., Othman, N., Khalid, N., Md Abdul Salam, N. Z., Mat Nor, M. F., & Sahrani, M. N. (2024). Memperkasa keluarga dan komuniti: strategi bersepadu kerajaan Malaysia ke arah kehidupan norma baharu. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 11(2), 69–82. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i2.198>
- Abd Majid, M., Rahman, A. H. A., Azizan, N. I., Haridi, N. H. M., Mohamad, N., Usman, A. H., & Ismail, Z. (2023). Elemen sokongan pelaksanaan program pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 1-21. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v10i2.122>
- Abd Majid, M., Rahman, A. H. A., Usman, A. H., & Ismail, Z. (2024). Aplikasi teknik kumpulan nominal ubahsuai terhadap penilaian kebolegunaan model pembangunan jati diri remaja delinkuen di Malaysia menurut perspektif Islam. *Islamiyyat*, 46(1), 133-142. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2024-4601-10>
- Abd. Majid, M., Azizan, N. I., Haridi, N. H. M., Mohamad, N., Usman, A. H., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2023). Program pemulihan akhlak remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 22-41. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.236>
- Abd. Majid, M., Bakar, S. A., Kaharuddin, K., Abdullah, M. Y. M., Abd Majid, M., Mahmud, M. I., & Rahman, A. H. A. (2024). Elemen pembangunan jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak menurut perspektif Islam. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 241-252. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i1.187>
- Abd. Majid, M., Ismail, Z., Abdul Rahman, A. H., Usman, A. H., Mohamad, N., Mohd Haridi, N. H., Azizan, N. I., & Gazali, G. (2022). Program pemulihan akhlak remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak di Malaysia. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 15(1), 1–20. Retrieved from <https://jhcd.utm.edu.my/jhcd/article/view/6324>
- Abdulah, N. A., & Kamaruzaman, N. A. F. (2022). Kekeliruan antara jenayah zina dan rogol statutori di Malaysia: Keperluan kepada penjelasan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 152-161. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.472>
- Ahmad, N. A. (2016). *Pengaruh faktor individu, keluarga, dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Zin, S. M. M., & Zainuddin, F. (2021). Cabaran membentuk akhlak remaja melalui persekitaran sosial dan perkembangan teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 118-129. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/104>

- Azizan, N. I., Abd Majid, M., Mohamad, N., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2022). Faktor penglibatan salah laku delinkuen dalam kalangan remaja: kajian di pusat pemulihan. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 59-74.
- Bahori, A., & Ismail, S. Z. (2017). Kehamilan luar nikah dari perspektif undang-undang jenayah syariah di Malaysia dan pengawalannya melalui program pencegahan. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 51. pp. 1-15. <https://ejournal.ukm.my/juum/article/view/26326>
- Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
- Bunsaman, S. M., & Krisnani, H. (2020). Peran orangtua dalam pencegahan dan penanganan penyalahgunaan narkoba pada remaja. *Prosiding Penelitian Dan Pengabdian Kepada Masyarakat*, 7(1), 221.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 75-89.
- Hasan, R., & Ismail, M. (2018). Faktor-faktor penyumbang kepada pelacuran remaja di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(1), 45-60.
- Henggeler, S. W., & Sheidow, A. J. (2023). Juvenile delinquency and antisocial behavior: Current trends and interventions. *Journal of Youth and Adolescence*, 52(3), 325-342. <https://doi.org/10.1023/A:1024538123804>
- Hsia, G., & Tay, J. (2024). Menyingkap mekanisme kawalan sosial: kajian literatur komprehensif tentang pemulihan penyalahgunaan dadah di Malaysia. *e-BANGI Journal*, 21(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.13>
- Ibrahim, N., Rahman, S. M. H. S. A., & Azhar, M. H. M. (2021). Pengamalan al-tarīqah al-sūfiyyah sebagai motivasi spiritual bagi penagihan dadah. *Jurnal Usuluddin*, 49(1), 129-150. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no1.5>
- Ismail, N. H., Halifah, D. N. A. A., & Makhsin, M. (2022). Faktor masalah sosial dalam kalangan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(46), 674-685. [https://web.archive.org/web/20220810113250id\\_/http://www.ijepc.com/PDF/IJEPc-2022-46-06-58.pdf](https://web.archive.org/web/20220810113250id_/http://www.ijepc.com/PDF/IJEPc-2022-46-06-58.pdf)
- Jasmi, K. A. (2017). Masalah seksual dalam kalangan remaja dan penyelesaiannya. Dalam K. A. Jasmi (Ed.), *Remaja hebat: Batasan dan halangan kecemerlangan remaja Muslim* (hlm. 35–60). Universiti Teknologi Malaysia.
- Johnson, S., & Miller, A. (2022). Rising trends in adolescent substance abuse: A five-year review. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 56(4), 412-420. <https://doi.org/10.1016/j.jsat.2009.04.005>
- Kadir, N. B. Y. A., Johan, D., Aun, N. S. M., & Ibrahim, N. (2018). Kadar prevalens kemurungan dan cubaan bunuh diri dalam kalangan remaja di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4), 150-158.
- Kamaluddin, M. R., Selamat, M. N., & Osman, A. (2021). *Delinkuensi remaja: Isu, intervensi & pemulihan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin, N., Ibrahim, F., & Aun, N. S. M. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi komunikasi interpersonal dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di universiti awam di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 52-70. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3602-04>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2023). *Laporan tahunan: Statistik kes keganasan seksual terhadap kanak-kanak dan remaja*.
- Kirman, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Khir, A. M., & Jaafar, W. M. W. (2021). Faktor sosialisasi dalam mempengaruhi tingkah laku individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 106-118. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.640>
- Latiff, A. C., Rathakrishnan, B., & Jarimal, N. (2017). Perkaitan antara perapatan ibubapa dan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah di Sabah. *Journal of Southeast Asia Psychology (SAPJ)*, 5(1), 10-10.
- Mamat, S., & Ghaffar, N. K. A. (2023). Hubungan antara tekanan hidup dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan belia di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal 'Ulwan*, 8(2), 124-141.

- Mohd Yusof, N. A., & Abu Bakar, H. (2021). Pelacuran remaja perempuan di Malaysia: Analisis kes-kes dan strategi pencegahan. *Jurnal Kajian Malaysia*, 39(1), 123-140.
- Nahar, N., Sangi, S., Rosli, N., & Abdullah, A. H. (2018). Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja. *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 87-99. <https://doi.org/10.11113/umran2018.5n1.181>
- Nasir, N. C. M., & Hanafiah, N. M. A. (2015). Faktor internal individu dan delinkuensi: Kajian ke atas remaja perempuan di asrama akhlak perempuan, Jitra. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 185-202.
- Nazim, A. M., Sham, F. M., & Hamjah, S. H. (2013). Ciri-ciri remaja berisiko: Kajian literatur. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 35(1), 111-119. <https://doi.org/10.32890/jps.18.2015.11519>
- Nordin, N. N. N., & Selamat, M. N. (2018). Tingkah laku delinkuen pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-9. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/62>
- Omar, N. W. L., & Jusoh, W. H. W. (2017). Cara pelaksanaan tindakan guru terhadap pelajar delinkuen di sekolah menengah di Terengganu. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, 277– 303.
- Othman Lebar. (2022). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode (2nd ed.)*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: integrating theory and practice (4th ed.)*. SAGE Publications.
- Purbanto, H., & Hidayat, B. (2023). Systematic Literature Review: Penyalahgunaan Narkoba di Kalangan Remaja dalam Perspektif Psikologi dan Islam. *Al-Hikmah: Jurnal Agama Dan Ilmu Pengetahuan*, 20(1), 1-13.
- Rahman, A. H. A., Majid, M. A., & Azizan, N. I. (2022). Kaedah pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam: Tinjauan sorotan literatur. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 15-33. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/210>
- Razak, T. M. T. A., Alim, N. N. A. A., Kamaruddin, N. K., Lateh, N., & Hashim, N. (2021). Pornografi dalam kalangan remaja Generasi Z menurut perspektif Islam. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 67-78. <https://doi.org/10.22452/ris.vol8no2.7>
- Rigotti, N. A. (2018). Strategies to help a smoker who is struggling to quit. *Journal of the American Medical Association*, 319(13), 1340-1350. <https://doi.org/10.1001/jama.2012.13043>
- Saparudin, I. F., & Soh, S. N. C. (2018). Elemen psiko-spiritual dalam menangani delinkuensi remaja. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)*. Johor Bahru, Malaysia.
- Shader, M. (2020). *Risk factors for delinquency: An overview*. U.S. Department of Justice, Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention. <https://ojjdp.ojp.gov>Smith, J. D., & Brown, L. R. (2023). Trends in non-medical use of prescription drugs: Implications for public policy. *International Journal of Drug Policy*, 90, 102-109. <https://doi.org/10.1097/01.NPR.0000415242.77611.15>
- Tharshini, N. K., & Ibrahim, F. (2020). Faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian: Satu kajian ulasan sistematik. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 12(1), 28-38. Retrieved from <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/3852>
- Tunggak, B., Ngadi, S., & Naim, H. A. (2015). Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/pelajar Muslim bersepadu. *Jurnal Hadhari*, 7(2), 11-30. Retrieved from <http://ejournals.ukm.my/jhadhari/issue/view/752>
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, A. S., Nik Saleh, N. S. S., Mamat, Z., Sahdan, Z., Abdullah Kahar, N. S. (2022). Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47-61.
- Zainal, N. F., & Ibrahim, S. (2019). Implikasi kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja: Perspektif kesihatan dan sosial. *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, 15(3), 75-89.
- Zainol, I. N. H., Mohammad, T., & Azman, A. (2024). Sistem keadilan juvana di Malaysia: empat prospek penambahbaikan. *Kajian Malaysia*, 42(1), 209-387. <http://doi.org/10.21315/km2024.42.1.10>
- Zakaria, E., Zakaria, N. F. A., & Sarnon, N. (2020). Faktor-faktor penyumbang kepada salah laku mencuri dalam kalangan remaja lelaki. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 6(1), 45-60.